



## KENYATAAN AKHBAR BERSAMA

~~Untuk Siaran Segera~~ / Embargo : 15 Mac 2016, 5:00pm

### TAN SRI AZMAN HASHIM DERMA RM30 JUTA KEPADA UTM

**15 Mac 2016, Kuala Lumpur** – Usahawan dan Dermawan, Tan Sri Azman Hashim, pengasas Yayasan Azman Hashim, menandatangani perjanjian dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi tujuan menderma RM30 Juta kepada dana endowmen UTM untuk menubuhkan Tabung Biasiswa Endowmen Azman Hashim.

Tujuan utama sumbangan endowmen ini adalah untuk memberi biasiswa kepada pelajar UTM di peringkat Sarjana Muda yang kurang mampu dan juga kepada mereka yang cemerlang dalam pengajian.

Semasa ucapan beliau dalam majlis menandatangani perjanjian di UTM Kuala Lumpur, Tan Sri Azman Hashim menegaskan kepentingan pendidikan dalam pembangunan negara. Beliau berharap, dengan penubuhana dana endowmen ini, boleh membuka peluang kepada lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran mereka.

Turut serta bersama Tan Sri Azman Hashim di majlis tersebut ialah Tan Sri Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, Tan Sri Ramli bin Khushairi, Ahli Lembaga Pengarah UTM, Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM, Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, dan dari Amcorp Group Berhad, Puan Shalina Azman, Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan. Dalam majlis tersebut, Tan Sri Azman Hashim juga menyampaikan sijil Biasiswa Azman Hashim kepada 5 orang pelajar tahun pertama Sarjana Muda.

YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar juga mengumumkan dalam majlis tersebut, UTM akan menamakan UTM International Business School sebagai Azman Hashim International Business School sebagai tanda penghargaan kepada Tan Sri Azman Hashim. Beliau juga mengumumkan Dewan Utama UTM di Kampus Kuala Lumpur dan Stadium UTM di Kampus Induk Skudai, Johor akan dinamakan Dewan Utama Azman Hashim dan Stadium Azman Hashim.

Yayasan Azman Hashim ditubuhkan dengan matlamat menerajukan pendidikan, kebajikan dan meringankan penderitaan manusia. Selain RM30 Juta endowmen kepada UTM, Yayasan Azman Hashim juga telah menyumbang dalam pelbagai projek kebajikan dan pendidikan termasuk :

Membiayai pembinaan bangunan bernilai RM25 Juta untuk pengajian pascasiswazah di Universiti Malaya.

Derma sebanyak £2.9 Juta untuk menubuhkan *Azman Hashim Fellowship* dengan *Oxford Centre for Islamic Studies*, United Kingdom.

Membiayai pembangunan bangunan *Azman Hashim UMS Art Gallery* bernilai RM15 Juta di Universiti Malaysia Sabah.

Membiayai pembangunan Kompleks Sukan Azman Hashim USM bernilai RM10 Juta di Universiti Sains Malaysia.

Membiayai pembangunan dewan serbaguna Kompleks Azman Hashim bernilai RM7 Juta di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Membiayai pembangunan kompleks sukan bernilai RM4.2 Juta di Kolej Tunku Kurshiah.

Membiayai pembangunan bangunan perpustakaan dupleks bernilai RM3 Juta di *Kuen Cheng High School*, Kuala Lumpur.

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi :

**Chia Meng Yee / June Moh**

Yayasan Azman Hashim

d/a Amcorp Group Berhad

2-01 Amcorp Tower

18 Persiaran Barat

46050 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-79662383

Email: [cmy@amcorp.com.my](mailto:cmy@amcorp.com.my) / [june.moh@amcorp.com.my](mailto:june.moh@amcorp.com.my)

---

atau

**Tuan Baharom bin T. Mahmood**

Pengarah Unit Endowmen

Aras 16, Menara Razak

Universiti Teknologi Malaysia

54100 Jalan Sultan Yahya Petra

Kuala Lumpur

Tel : 019 4562751

Email : [baharom.kl@utm.my](mailto:baharom.kl@utm.my)